



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA


UNIMAS
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

GARIS PANDUAN

GERAN PENYELIDIKAN SDG RESEARCH@BORNEO TAHUN 2020

Urusetia :
Kerjasama antara UiTM
Cawangan Sabah dan Sarawak, UNIMAS & UMS

SENARAI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

VISI DAN MISI SDG RESEARCH@BORNEO

| | |
|---|---|
| VISI | 1 |
| MISI | 1 |
| 1.0 PENGENALAN..... | 2 |
| 2.0 JUMLAH PERUNTUKAN & JANGKA MASA PROJEK..... | 6 |
| 3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN..... | 6 |
| 4.0 PERATURAN KEWANGAN..... | 7 |
| 5.0 PERATURAN PERMOHONAN | 8 |
| 6.0 PENILAIAN DAN KELULUSAN GERAN..... | 8 |
| 7.0 ETIKA DAN KERAHSIAAN..... | 8 |
| 8.0 PEMANTAUAN PENYELIDIKAN..... | 8 |
| 9.0 HASIL PENCAPAIAN PENYELIDIKAN | 9 |

VISI DAN MISI SDG RESEARCH@BORNEO

VISI

Menjadikan gugusan universiti komprehensif sebagai gabungan institusi unggul yang berteraskan keserjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui kelestarian borneo dari segi sains teknologi dan sosio ekonomi yang berdaya saing, global dan beretika.

MISI

Mempertingkatkan kolaborasi dan usahasama penyelidikan di kalangan ahli gugusan universiti komprehensif ke arah kelestarian borneo menerusi penyampaian program profesional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan

1.0 PENGENALAN

1.1 Garis panduan *Sustainable Development Goals Research@Borneo* (SDG Research@Borneo) telah dimeterai oleh ahli-ahli *Malaysia Comprehensive University Network* (MCUN) yang melibatkan tiga (3) buah institusi iaitu Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

1.1.1 UiTM adalah sebuah institusi pengajian tinggi ternama di Malaysia yang mempunyai rekod baik di dalam kecemerlangan pendidikan dan penyelidikan serta mempunyai pelbagai program usaha sama yang dinamik dengan pelbagai industri dan akademia di peringkat nasional dan antarabangsa.

1.1.2 UNIMAS berusaha menjadi universiti teladan bertaraf antarabangsa yang diiktiraf dan institusi pilihan ilmiah untuk pelajar dan akademik melalui usaha cemerlang dalam pengajaran, penyelidikan dan biasiswa.

1.1.3 UMS adalah sebuah institusi pengajian tinggi yang bertekad untuk meningkatkan serta mengukuhkan kerjasama dan kecemerlangan akademiknya dan telah mengambil pelbagai inisiatif dengan memasuki pelbagai kerjasama dengan lain – lain pihak untuk tujuan tersebut.

1.2 SDG Research@Borneo adalah selaras dengan amanat dan aspirasi terkini Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang memberi penekanan kepada penambahbaikan sinergi ekosistem penyelidikan dan inovasi bagi membolehkan universiti menghasilkan penyelidikan yang berimpak tinggi. Tumpuan juga akan diberikan terhadap pengukuhan kolaborasi antara ahli MCUN. Geran ini menggalakkan peningkatan hubungan kolaborasi di antara universiti dan komuniti dalam usaha menawarkan penyelesaian lestari kepada masyarakat.

1.3 SDG Research@Borneo ini juga bertujuan untuk meningkatkan impak hasil kajian berasaskan *Sustainable Development Goals* (SDGs) di kalangan ahli MCUN di kepulauan Borneo. Di samping itu, ia diharapkan memberi impak kajian secara terus kepada penduduk setempat.

1.4 Geran ini juga diperkenalkan untuk menyokong Agenda Pembangunan Lestari 2030 melalui 17 Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals – SDGs*) yang diperkenalkan pada September 2015.

1.5 Setiap kertas cadangan mestilah selari dengan pemetaan 17 Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) mengikut tema penyelidikan dan kepakaran seperti di dalam Jadual 1.

Jadual 1: Pemetaan 17 Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) mengikut tema penyelidikan

| Bil. | Matlamat (SDGs) | Penerangan | Tema Penyelidikan |
|------|--|--|--|
| 1. | Tiada kemiskinan (<i>No poverty</i>) | Mengakhiri semua bentuk kemiskinan di mana sahaja | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Meningkatkan mobiliti sosial (<i>Uplifting social mobility</i>) (SDG 1) ▪ Taman penyelidikan dalam komuniti (<i>Research garden in the community</i>) (SDG3 &11) ▪ Pendidikan dan kesedaran (<i>Education and awareness</i>) (SDG4) ▪ Keselamatan makanan (<i>Food security</i>) (SDG2) |
| 2. | Kelaparan sifar (<i>Zero hunger</i>) | Mengakhiri kelaparan, mencapai keselamatan makanan dan meningkatkan nutrisi | |
| 3. | Kesihatan dan kesejahteraan yang baik (<i>Good health and wellbeing</i>) | Memastikan kehidupan yang sihat dan meningkatkan kesejahteraan di setiap peringkat umur | |
| 4. | Pendidikan berkualiti (<i>Quality education</i>) | Memastikan kualiti pendidikan yang terangkum dan sama rata, serta meningkatkan peluang pendidikan sepanjang hayat kepada semua | |
| 5. | Kesaksamaan jantina (<i>Gender equality</i>) | Mencapai kesaksamaan jantina dan memperkasakan semua wanita dan kanak-kanak perempuan | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pemerksaan wanita dan masyarakat (<i>Community and women empowerment</i>) (SDG3, 5 & 10) |
| 6. | Kebersihan air dan sanitasi (<i>Clean water and sanitation</i>) | Memastikan ketersediaan dan pengurusan air dan sanitasi yang Lestari untuk semua | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kehidupan lestari (<i>Sustainable living</i>) ▪ Kualiti hidup (<i>Quality of life</i>) ▪ Tenaga kerja yang sihat (<i>Healthy workforce</i>) ▪ Ekonomi Lestari (<i>Sustainable economy</i>) |
| 7. | Tenaga yang berpatutan dan bersih (<i>Affordable and clean energy</i>) | Meningkatkan akses terhadap tenaga yang berpatutan, Lestari dan moden untuk semua | |
| | Pertumbuhan pekerjaan dan | Menggalakkan | |

| | | | |
|-----|---|--|---|
| 8. | pembangunan ekonomi (<i>Decent work and economic growth</i>) | pertumbuhan ekonomi yang Lestari dan meningkatkan peluang pekerjaan dan produktiviti | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kebahagiaan dan kesejahteraan (<i>Happiness and wellbeing</i>) ▪ Teknologi hijau (<i>Green technology</i>) ▪ Teknologi bersih (<i>Clean technology</i>) ▪ Kitar semula (<i>Recycling</i>) ▪ <i>Cradle to grave</i> ▪ Sisa kepada kekayaan (<i>Waste to wealth</i>) |
| 9. | Industri, inovasi dan infrastruktur (<i>Industry, innovation and infrastructure</i>) | Membangunkan infrastruktur yang berdaya tahan, menggalakkan perindustrian yang terangkum dan Lestari serta memupuk inovasi | |
| 10. | Mengurangkan ketidaksamaan (<i>Reduced inequality</i>) | Mengurangkan ketidaksamaan di dalam dan di antara negara | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kelestarian dan komuniti antarabangsa (<i>International sustainability and community</i>) ▪ Politik antarabangsa (<i>International politics</i>) ▪ Mengurangkan jurang antara luar bandar dan bandar (<i>Narrowing gaps between rural and urban</i>) |
| 11. | Komuniti dan bandar yang Lestari (<i>Sustainable cities and communities</i>) | Mewujudkan bandar dan penempatan yang terangkum, selamat, berdaya tahan dan Lestari | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Penuaan penduduk (<i>Ageing population</i>) ▪ Penangkutan hijau (<i>Green transport</i>) ▪ Mengurangkan kesan karbon (<i>Reducing carbon footprint</i>) ▪ Pembangunan luar bandar (<i>Rural development</i>) (SDG6, 1, 3, 10) |
| 12. | Penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab (<i>Responsible consumption and production</i>) | Memastikan penggunaan dan paten pengeluaran yang Lestari | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Keselamatan makanan, sisa makanan (<i>Food security, waste of food</i>) (SDG2, 7) ▪ Obesiti (<i>Obesity</i>) |
| 13. | Tindakan iklim (<i>Action climate</i>) | Mengambil tindakan segera dalam menangani kesan perubahan iklim | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengurangan karbon (<i>Carbon reduction</i>) (SDG10) |

| | | | |
|-----|--|--|--|
| 14. | Kehidupan di dalam air (<i>Life below water</i>) | Memulihara dan menggunakan laut, pantai dan sumber marin secara Lestari | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Ekosistem marin dan akuatik (<i>Marine and aquatic ecosystem</i>) ▪ Keselamatan makanan (<i>Food security</i>) ▪ Air bersih (<i>Clean water</i>) ▪ Biodiversiti (<i>Biodiversity</i>) ▪ Produk semulajadi (<i>Natural products</i>) ▪ Pembangunan sosio-ekonomi (<i>Socio-economic development</i>) ▪ Penglibatan masyarakat dalam pemuliharaan tanah dan air (<i>Community participation in conservation of land and water</i>) ▪ Pendidikan-perlancongan (<i>Edu-tourism</i>) |
| 15. | Kehidupan di atas darat (<i>Life on land</i>) | Melindungi, memulihara dan menggalakkan penggunaan ekosistem daratan yang Lestari, menguruskan perhutanan secara Lestari dan menangani penghakisan tanah | |
| 16. | Kesejahteraan, keadilan dan institusi yang kukuh (<i>Peace, justice and strong institution</i>) | Menggalakkan kesejahteraan masyarakat yang terangkum, menyediakan akses kepada keadilan dan membangunkan institusi yang efektif, bertanggungjawab dan terangkum di semua peringkat | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Undang-undang, akta, dasar dalam menangani pertindihan antara institusi (<i>Law, legal, acts, policies addressing redundancy between institutions</i>) |
| 17. | Perkongsian dalam mencapai matlamat (<i>Partnership to achieve the goals</i>) | Mengukuhkan kaedah pelaksanaan dan mewujudkan perkongsian global untuk pembangunan yang Lestari | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Berkaitan dengan semua SDGs |

2.0 JUMLAH PERUNTUKAN DAN JANGKA MASA PROJEK

Jumlah peruntukan yang akan diluluskan adalah tertakluk kepada universiti masing-masing walaubagaimana pun, jumlah maksimum peruntukan adalah seperti berikut :

1) Bidang Sains dan Teknologi : maksimum RM 50,000

2) Bidang Sains Sosial : maksimum RM 30,000

Jangka masa projek adalah dalam tempoh **dua (2) tahun**

3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Geran ini terbuka kepada staf akademik UiTM, UNIMAS dan UMS dengan syarat-syarat berikut: -

- 3.1 Ketua Penyelidik mestilah dari salah sebuah gabungan universiti (UiTM, UNIMAS atau UMS)
- 3.2 Ketua Penyelidik adalah staf akademik tetap / kontrak (Profesor, Profesor Madya atau pensyarah kanan) di salah sebuah universiti.
- 3.3 Ketua Penyelidik mestilah aktif dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya enam (6) bulan pada tahun semasa dan berkelayakan sekurang-kurangnya PhD atau setara.
- 3.4 Keahlian untuk setiap projek mesti melibatkan gabungan tiga (3) universiti.
- 3.5 Setiap projek mesti mempunyai ahli penyelidik minima tiga (3) hingga lima (5) orang termasuk Ketua Penyelidik. Penyelidik yang bukan dari MCUN dibenarkan sebagai ahli sahaja.
- 3.6 Ketua Penyelidik dari UiTM mestilah dari UiTM cawangan Sabah atau Sarawak manakala UiTM kampus Semenanjung Malaysia adalah sebagai ahli sahaja.
- 3.7 Ketua Penyelidik yang cuti belajar atau cuti sabbatical melebihi 6 bulan perlu membuat pertukaran Ketua Penyelidik yang baharu di kalangan ahli penyelidik bersama projek tersebut.

4.0 PERATURAN KEWANGAN

4.1 Perbelanjaan projek adalah dihadkan bagi vot-vot berikut:

| | |
|----------|---|
| Vot11000 | Bayaran untuk Pembantu Penyelidik (RA/GRA). |
| Vot21000 | Perjalanan, penginapan dan pengangkutan* |
| Vot24000 | Sewaan |
| Vot27000 | Bekalan dan Bahan Penyelidikan |
| Vot28000 | Baik pulih kecil dan Ubahsuai |
| Vot29000 | Perkhidmatan Ikhtisas |
| Vot35000 | Aksesori dan Peralatan* |

*Nota : Peruntukan perbelanjaan tidak melebihi 40% dari jumlah keseluruhan projek untuk setiap vot.

4.2. Pembantu penyelidik (RA/GRA) yang menerima biasiswa penuh (termasuk elaun sara hidup) adalah tidak layak untuk dilantik di bawah skim ini. Minimum tempoh pelantikan sebagai RA/GRA adalah selama dua belas (12) bulan untuk diambilkira sebagai penghasilan modal insan geran penyelidikan.

4.3. Permohonan pembantu penyelidik (RA/GRA) perlu dibuat melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) universiti masing-masing. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2,300 untuk pelajar Ph.D dan RM1,800 untuk pelajar Sarjana.

4.4. Perjalanan ke luar negara perlu mendapat kelulusan Naib Canselor dan mendapat sokongan daripada RMC dan tertakluk kepada peruntukan geran yang telah dipohon. Pembantu penyelidik hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan di dalam negara sahaja. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan universiti masing-masing.

4.5. Hanya Ketua Penyelidik dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi perjalanan ke luar negara berdasarkan kriteria berikut:

- i) Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan (sekali sahaja) adalah bagi tujuan menghadiri persidangan/seminar/bengkel/kolokium yang akan menghasilkan penerbitan berindeks sahaja.
- ii) Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.

5.0 PERATURAN PERMOHONAN

- 5.1. Permohonan geran ini tertakluk kepada sekretariat RMC universiti masing-masing.
- 5.2. Keputusan akhir senarai penyelidik yang layak tertakluk kepada pengurusan dan kaedah RMC universiti masing-masing.

6.0 PENILAIAN DAN KELULUSAN GERAN

- 6.1. Permohonan geran ini akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) atau RMC universiti masing-masing.
- 6.2. Surat kelulusan akan dikeluarkan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) atau RMC universiti masing-masing kepada penyelidik. Surat salinan akan dikeluarkan kepada penyelidik bersama dan Ketua Jabatan.
- 6.3. Ketua Penyelidik perlu menandatangani borang penerimaan yang telah dilengkapi sebelum memulakan penyelidikan.

7.0 ETIKA DAN KERAHSIAAN

- 7.1. Semua penyelidik mestilah mematuhi etika penyelidikan dan kerahsiaan data.

8.0 PEMANTAUAN PENYELIDIKAN

Pemantauan penyelidikan tertakluk kepada universiti masing-masing.

- 8.1. Semua geran penyelidikan yang telah diluluskan akan dipantau oleh RMC.
- 8.2. Penyelidik mesti menghantar laporan kemajuan pada setiap enam (6) bulan kepada RMC.
- 8.3. Kegagalan memenuhi perkara 8.2 di atas boleh menyebabkan geran penyelidikan ditamatkan serta merta dan penyelidik boleh disenarai hitam tertakluk kepada keputusan universiti masing-masing.

- 8.4. Ketua Penyelidik perlu memajukan laporan akhir penyelidikan kepada RMC dalam bentuk salinan keras (*hardcopy*) dan salinan lembut (*softcopy*) dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat projek atau tarikh ditamatkan projek.
- 8.5. Sekiranya memerlukan perlanjutan, permohonan hendaklah dimajukan kepada RMC dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tempoh asal tamat. Kelulusan perlanjutan adalah tertakluk kepada prestasi projek dan baki dana.
- 8.6. Pihak RMC akan menghantar surat pengesahan tamat penyelidikan selepas sahaja menerima laporan akhir daripada pihak penyelidik selaras dengan tatacara universiti masing-masing.
- 8.7. Semua perkara di atas adalah tertakluk kepada Garis Panduan SDG Research@Borneo dan garis panduan penyelidikan yang berkaitan mengikut universiti masing-masing.

9.0 HASIL PENCAPAIAN PENYELIDIKAN

- 9.1. Setiap geran mesti menerbitkan dua (2) penerbitan berindeks SCOPUS / WOS.
- 9.2. Setiap penerbitan tersebut mestilah melibatkan penulisan bersama daripada pihak penyelidik UiTM, UNIMAS dan UMS.
- 9.3. Penghargaan kepada geran SDG Research@Borneo mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.
- 9.4. Setiap projek penyelidikan digalakkan untuk menghasilkan sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar Sarjana mod penyelidikan sepenuh masa. Penyelia utama bagi pelajar Sarjana tersebut mestilah Ketua Penyelidik ataupun Penyelidik Bersama dalam projek penyelidikan tersebut.